



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 12 MEI 2021**

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|------------|---|---|
| 1. | MAFI AMBIL LANGKAH STABILKAN HARGA BARANGAN ASAS PADA MUSIM PERAYAAN, AWANI -ONLINE | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI) |
| 2. | KEPELBAGAIAN AKTIVITI EKONOMI PERTANIAN TINGKAT HASIL PENDAPATAN, KOSMO -ONLINE | |
| 3. | BARANG KEPERLUAN AIDILFITRI DI PASAR TANI MENCUKUPI, NASIONAL, BERITA HARIAN -18 | |
| 4. | PESAWAH DI KEDAH MULA TANAM PADI, NASIONAL, SINAR HARIAN -4 | LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA) |
| 5. | PESAWAH DI KEDAH MULA TANAM PADI, SINAR HARIAN -ONLINE | |
| 6. | SUMBAT BERAS, BERAS PULUT DALAM KERETA, NEGARA, KOSMO -18 | LAIN-LAIN |
| 7. | DUNGUN MESRA KUCING, KUBELA, HARIAN METRO -37&38 | |

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|------------|-------|---------|------------|
| 12/05/2021 | AWANI | ONLINE | |

MAFI AMBIL LANGKAH STABILKAN HARGA BARANGAN ASAS PADA MUSIM PERAYAAN



PASIR MAS: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan mengambil beberapa langkah untuk menstabilkan harga barangan keperluan asas sepanjang musim perayaan Aidilfitri.

Usaha lain ujar Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi adalah menyediakan stok simpanan ikan sejuk beku.

"Kementerian telah ambil langkah-langkah bagi memastikan harga ikan dan sayuran juga berpatutan

apabila tiba musim perayaan dengan melaksanakan sekatan eksport spesis ikan tertentu pada musim pra dan selepas perayaan.

"Ikan terpilih tidak dibenarkan dieksport bagi memastikan ianya dipasarkan dalam negara dan membantu turunkan harga ikan," katanya.

Selain itu pihak kementerian juga berusaha meningkatkan pengeluaran tempatan dan menambahkan kuota import bagi beberapa barangan terpilih.

Dalam pada itu kerajaan memberikan jaminan bekalan makanan mencukupi sepanjang musim perayaan Aidilfitri dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) seluruh negara bermula Rabu sehingga 7 Jun ini.

Katanya isu bekalan juga tidak timbul di kawasan yang dikenakan PKP Diperketatkan dengan bekalan tidak putus di lokasi berkenaan.

Rakyat tidak perlu panik kerana pelbagai agensi membantu bagi memastikan bekalan makanan dan rantaian makanan tetap ada, tambahnya lagi.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|------------|-------|---------|------------|
| 12/05/2021 | KOSMO | ONLINE | |

KEPELBAGAIAN AKTIVITI EKONOMI PERTANIAN TINGKAT HASIL PENDAPATAN



PETALING JAYA – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan meningkat lagi usaha untuk mempelbagaikan aktiviti ekonomi berasaskan pertanian di kawasan luar bandar di negeri ini bagi membantu penduduk meningkatkan hasil pendapatan.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berkata, antara tanaman yang menjadi tumpuan adalah buah-buahan yang dapat mengeluarkan hasil dalam jangka masa pendek, bernilai komersial dan mampu memberi pulangan yang baik.

“Saya akan meminta jabatan dan agensi dibawah MAFI untuk membantu melihat potensi aktiviti ekonomi berasaskan pertanian agar penduduk di kawasan luar bandar dapat merasai pulangan yang lebih cepat seterusnya meningkatkan hasil pendapatan,” katanya.

Sejajar dengan usaha itu, Ronald yang juga Ahli Parlimen Beluran berkata MAFI telah melaksanakan projek perintis tanaman nanas MD2 di Kampung Rungus Beluran melibatkan sebanyak 26,000 pokok yang telah dimulakan pada Januari 2020 dan telah mula mengeluarkan hasil pada April lepas.

“Kita harapkan agar projek perintis tanaman nanas MD2 diusahakan di Kampung Rungus akan dapat mengalakkan pengusaha lain di negeri ini untuk mencebur diri dalam penanaman nanas,” katanya sambil menambah Sabah mempunyai tanah yang luas dan baik boleh diusahakan untuk tanaman nanas.

Beliau berkata nanas merupakan antara buah-buahan yang dieksport secara meluas dari Semenanjung Malaysia dan mendapat sambutan di peringkat antarabangsa.

“Melihat kepada potensi tanaman nanas ini, MAFI dalam usaha mewujudkan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) di Sabah yang telah mendapat kerjasama baik daripada kerajaan negeri Sabah bagi merealisasikan usaha ini,” tambahnya. – K! ONLINE

Barang keperluan Aidilfitri di pasar tani mencukupi

85 outlet pemasaran FAMA jual bekalan keperluan berakhir hari ini

Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan memberi jaminan barangan keperluan musim perayaan dan makanan lain dipasarkan menerusi Program Pasar Tani Khas Aidilfitri 2021 di seluruh negara adalah mencukupi.

Menteri, Datuk Seri Dr Ronald Kiangdee, berkata 85 outlet pemasaran Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) terabit bagi pelaksanaan program itu yang terdiri daripada 59 pasar tani, 23 pasar tani kekal dan tiga MyFarm Outlet yang bermula 1

Mei hingga hari ini.

"Jangkaan kuantiti bekalan ayam dan daging di Pasar Tani Khas kali ini ialah 197 tan meliputi ayam 131 tan dan daging 66 tan.

"Komoditi seperti ikan, buah dan sayur di Pasar Tani Khas Aidilfitri ini juga mencukupi.

"Bagi segmen komoditi kelapa, jangkaan import bagi 2021 meningkat kepada 67 peratus atau 18 juta biji berbanding tahun sebelumnya iaitu 12 juta biji.

"Hingga April 2021, 4.5 juta biji sudah diimport FAMA Corporation Sdn Bhd (FAMACorp) bagi tujuan ini dan antara akses pasaran untuk kelapa ialah semua outlet FAMA dan outlet pemasaran lain di seluruh negara," katanya dalam kenyataan semalam.

Menurut Ronald, keputusan kerajaan memberi kebenaran operasi kepada outlet pemasaran FAMA seperti Pasar Tani Khas itu bagi memastikan pengguna mendapat bekalan barangan segar secara terus bersempena sambutan Aidilfitri.

"Konsep Pasar Tani Khas ini bertujuan memberi peluang kepada usahawan memasarkan hasil pertanian mereka ketika musim sambutan Aidilfitri yang mana mendapat permintaan tinggi dalam kalangan pengunjung.

"Selain barangan segar seperti

daging, ayam dan sayur-sayuran, pengguna juga berpeluang mendapatkan bekalan juadah Aidilfitri seperti ketupat, rendang, lempang dan kuih-muih keperluan hari raya," katanya.

Pada masa sama, beliau berkata FAMA akan terus memastikan setiap outlet pemasarannya mematuhi prosedur operasi standard yang ditetapkan Kementerian Kesihatan Malaysia dan Majlis Keselamatan Negara bagi mengesahkan penularan COVID-19.

Dalam perkembangan sama, Ronald berkata, bagi tempoh Januari hingga April tahun ini, 307 pasar tani aktif beroperasi membabitkan 12,843 usahawan di seluruh negara dan mencatatkan nilai jualan RM87,513,687.16.

"Secara keseluruhan, usahawan pasar tani menggunakan perkhidmatan transaksi tanpa tunai seperti Maybank QR-Pay Touch N Go, Grab Pay dan Boost dalam urusan jual beli perkhidmatan ini," katanya.

BERNAMA

Jangkaan kuantiti bekalan ayam dan daging di Pasar Tani Khas-kali ini ialah 197 tan meliputi ayam 131 tan dan daging 66 tan

Ronald Kiangdee,
Pertanian
dan Industri
Makanan



Pesawah di Kedah mula tanam padi

NAFAS guna pelbagai inisiatif pastikan pesawah terima bekalan benih padi

Oleh ROSHILA MURNI ROSLI

ALOR SETAR

Pesawah dalam kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) di negeri Kedah telah memulakan kerja-kerja penanaman padi pada minggu lalu.

Seorang pesawah dari Kampung Sungai Baru, Kuala Sungai, Ismail Mohd Noor, 62, berkata, dia telah memulakan kerja-kerja menabur benih padi sejak seminggu lalu, setelah menerima bekalan benih jenis MR297.

"Saya bersyukur kerana setiap kali tiba musim penanaman padi, saya ialah antara pesawah yang tidak pernah alami kelewatan benih padi.

"Oleh itu, segala kerja-kerja sawah saya selalu 200 relung (57.55 hektar) berjalan lancar," katanya kepada *Sinar Harian*.

Menurut Ismail, dia menerima bekalan benih padi kira-kira dua minggu lalu dan sudah menggunakan 20 beg benih padi untuk kerja-kerja menabur di sawahnya.

"Saya harap musim-musim akan datang pun semua pesawah terutama di bawah MADA tidak akan alami kelewatan benih padi," katanya yang sudah mengerjakan sawah lebih 40 tahun. Sementara itu, seorang pesawah

dari Kampung Hilir Kubang Rotan, Norzan Abdullah, 42, berkata, dia turut bersyukur kerana telah menerima bekalan benih padi MR297 pada minggu lalu dan kini dalam proses penyediaan tapak.

"Alhamdulillah, mungkin sebab saya daftar (benih padi) awal, jadi dapat awal. Saya mengerjakan 65 relung (18.70 hektar) sawah padi dan mengikut kadar penggunaan benih yang diterima adalah 130 beg.

"Saya dah mula kerja-kerja menyediakan tapak beberapa hari lalu. Insya-ALLAH selepas Hari Raya Aidilfitri saya boleh mula menabur benih," katanya.

Bagi pesawah, Shahrul Anuar Haron, 52, walaupun berlaku kelewatan pengedaran benih padi pada musim ini, namun ia agak terkawal berbanding musim-musim lepas.

"Sekarang ini di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) I-II MADA Kuala Sungai pun ada ramai pesawah datang ambil benih padi jenis MR297. Benih ini memang mendapat permintaan tinggi dalam kalangan pesawah.

"Saya sendiri juga membuat tempahan untuk benih padi jenis ini dan sudah pun menerima bekalan. Saya berharap Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) dan syarikat pengeluar dapat meningkatkan bekalan benih padi jenis ini supaya



Rosli Awang Ahmad (kanan) mengambil bekalan benih padi MR297 di stor benih PPK I-II MADA Kuala Sungai, Alor Setar.



ISMAIL

SHARHUL ANUAR

NORZAN

kualiti dan mendapat kelulusan daripada Jabatan Pertanian.

"Bagaimanapun petani mempunyai hak untuk memulangkan semula benih padi yang diragui kualitinya serta menjadi tanggungjawab syarikat pengeluar untuk menggantikan benih tersebut dengan benih yang baharu," kata NAFAS.

Dalam pada itu, Jabatan Pertanian dalam kenyataannya turut memberi jaminan akan sentiasa memastikan benih padi yang disahkan mengikut kualiti piawaian yang ditetapkan bagi menjamin pesawah mendapat bekalan benih padi yang berkualiti.

Jabatan Pertanian berkata, sehingga 19 April 2021, sebanyak 26,353.32 tan benih padi telah disahkan oleh jabatan ini dan kuantiti ini adalah mencukupi bagi keperluan pesawah seluruh negara sehingga akhir bulan April termasuk pesawah di Kedah dan Perlis.

"Pada musim ini, didapati permintaan varieti MR297 adalah tinggi dan itu menyebabkan varieti tersebut tidak mencukupi.

Namun begitu, terdapat varieti lain yang setanding varieti MR297.

"Oleh itu, Jabatan Pertanian telah meluluskan sebanyak sembilan lagi varieti benih padi lain iaitu MR219, MR220 CL2, UKMRC-2, UKMRC-8, MR269, MR303, MR307, MRQ76 dan MR263," katanya.

dapat menampung permintaan para pesawah," katanya yang merupakan Ketua Unit O2 Kampung Sungai Baru Tengah.

Sementara itu, NAFAS dalam kenyataan sebelum ini menegaskan akan mengambil pelbagai inisiatif yang wajar dalam memastikan isu bekalan benih padi dapat diselesaikan dengan cara terbaik untuk kebajikan pesawah.

Menurut NAFAS, rekod terkin mencatatkan sebanyak 595,035 beg pesanan benih padi varieti MR297 diterima dan daripada jumlah tersebut sebanyak 321,689 beg telah didaftarkan.

"NAFAS telah dilantik oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) untuk menjadi pemborong tunggal dan seterusnya mengedarkan bekalan benih padi sah yang dibekalkan oleh 10 syarikat pembekal yang dilantik.

"NAFAS juga telah berbincang dengan kesemua syarikat pengeluar yang dilantik untuk memastikan benih, dibekalkan adalah terjamin ber-



Dari kanan: Ismail, Shahrul Anuar dan Norzan menunjukkan benih padi MR297 yang dibekalkan oleh PPK I-II MADA Kuala Sungai, Alor Setar.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|------------|--------------|---------|------------|
| 12/05/2021 | SINAR HARIAN | ONLINE | |

PESAWAH DI KEDAH MULA TANAM PADI

ALOR SETAR- Pesawah dalam kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) di negeri Kedah telah memulakan kerja-kerja penanaman padi pada minggu lalu.

Seorang pesawah dari Kampung Sungai Baru, Kuala Sungai, Ismail Mohd Noor, 62, berkata, dia telah memulakan kerja-kerja menabur benih padi sejak seminggu lalu, setelah menerima bekalan benih jenis MR297. "Saya bersyukur kerana setiap kali tiba musim penanaman padi, saya ialah antara pesawah yang tidak pernah alami kelewatan benih padi.



"Oleh itu, segala kerja-kerja sawah saya seluas 200 relung (57.55 hektar) berjalan lancar," katanya kepada Sinar Harian. Menurut Ismail, dia menerima bekalan benih padi kira-kira dua minggu lalu dan sudah menggunakan 20 beg benih padi untuk kerja-kerja menabur di sawahnya.

"Saya harap musim-musim akan datang pun semua pesawah terutama di bawah MADA tidak akan alami kelewatan benih padi," katanya yang sudah mengerjakan sawah lebih 40 tahun. Sementara itu, seorang pesawah dari Kampung Hilir Kubang Rotan, Norzan Abdullah, 42, berkata, dia turut

bersyukur kerana telah menerima bekalan benih padi MR297 pada minggu lalu dan kini dalam proses penyediaan tapak.



"Alhamdulillah, mungkin sebab saya daftar (benih padi) awal, jadi dapat awal. Saya mengerjakan 65 relung (18.70 hektar) sawah padi dan mengikut kadar penggunaan benih yang diterima adalah 130 beg.

"Saya dah mula kerja-kerja menyediakan tapak beberapa hari lalu, Insya-ALLAH selepas Hari Raya Aidilfitri saya boleh mula menabur benih," katanya.

Bagi pesawah, Shahrul Anuar Haron, 52, walaupun berlaku kelewatan pengedaran benih padi pada musim ini, namun ia agak terkawal berbanding musim-musim lepas.



"Sekarang ini di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) I-II MADA Kuala Sungai pun ada ramai pesawah datang ambil benih padi jenis MR297. Benih ini memang mendapat permintaan tinggi dalam kalangan pesawah.

"Saya sendiri juga membuat tempahan untuk benih padi jenis ini dan sudah pun menerima bekalan. Saya berharap Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) dan syarikat pengeluar dapat meningkatkan bekalan benih padi jenis ini supaya dapat menampung permintaan para pesawah," katanya yang merupakan Ketua Unit O2 Kampung Sungai Baru Tengah.

Sementara itu, NAFAS dalam kenyataan sebelum ini menegaskan akan mengambil pelbagai inisiatif yang wajar dalam memastikan isu bekalan benih padi dapat diselesaikan dengan cara terbaik untuk kebaikan pesawah.

Menurut NAFAS, rekod terkini mencatatkan sebanyak 595,035 beg pesanan benih padi varieti MR297 diterima dan daripada jumlah tersebut sebanyak 321,689 beg telah diedarkan.

"NAFAS telah dilantik oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) untuk menjadi pemborong tunggal dan seterusnya mengedarkan bekalan benih padi sah yang dibekalkan oleh 10 syarikat pembekal yang dilantik.

"NAFAS juga telah berbincang dengan kesemua syarikat pengeluar yang dilantik untuk memastikan benih dibekalkan adalah terjamin berkualiti dan mendapat kelulusan daripada Jabatan Pertanian.

"Bagaimanapun petani mempunyai hak untuk memulangkan semula benih padi yang diragui kualitinya serta menjadi tanggungjawab syarikat pengeluar untuk menggantikan benih tersebut dengan benih yang baharu," kata NAFAS.

Dalam pada itu, Jabatan Pertanian dalam kenyataannya turut memberi jaminan akan sentiasa memastikan benih padi yang disahkan mengikut kualiti piawaian yang ditetapkan bagi menjamin pesawah mendapat bekalan benih padi yang berkualiti.



Jabatan Pertanian berkata, sehingga 19 April 2021, sebanyak 26,353.32 tan benih padi telah disahkan oleh jabatan itu dan kuantiti ini adalah mencukupi bagi keperluan pesawah seluruh negara sehingga akhir bulan April termasuk pesawah di Kedah dan Perlis.

"Pada musim ini, didapati permintaan varieti MR297 adalah tinggi dan itu menyebabkan varieti tersebut tidak mencukupi.

Namun begitu, terdapat varieti lain yang setanding varieti MR297.

"Oleh itu, Jabatan Pertanian telah meluluskan sebanyak sembilan lagi varieti benih padi lain iaitu MR219, MR220 CL2, UKMRC-2, UKMRC-8, MR269, MR303, MR307, MRQ76 dan MR263," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|------------|-------|---------|------------|
| 12/05/2021 | KOSMO | NEGARA | 18 |

Sumbat beras, beras pulut dalam kereta

TUMPAT - Pasukan Gerakan Am (PGA) Batalion 8 merampas sebanyak 800 kilogram (kg) beras dan beras pulut seludup dipercayai untuk bekalan Hari Raya Aidilfitri di kawasan pangkalan haram Kuala Tat di sini kelmarin.

Pegawai Pemerintah Medan PGA, Superintendan Azhari Nusi berkata, rampasan bernilai RM4,400 itu dilakukan selepas pihaknya memeriksa sebuah kereta jenis Proton Wira Aeroback yang diletakkan di kawasan tersebut pada pukul 7.45 malam.

Katanya, anggota PGA melihat kenderaan tersebut diletakkan tanpa pemandu semasa melakukan rondaan rutin di kawasan berkenaan.

"Pemeriksaan di belakang

kereta itu telah menjumpai bungkusan beras dan beras pulut masing-masing seberat 400kg.

"Siasatan awal mendapati kesemua barangan itu dipercayai diseludup dari negara jiran menggunakan laluan tikus," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Menurut Azhari, pihaknya tidak menolak kemungkinan beras itu untuk dijual di pasaran tempatan menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri.

Kesemua barang rampasan termasuk Proton Wira Aeroback dibawa ke Kompeni Taktikal Kuala Kambu di sini untuk tindakan lanjut.

Kes disiasat mengikut Seksyen 20 Akta Kawal Selia Padi dan Beras Negara 1994.



BERAS dan beras pulut yang ditemui di dalam sebuah kereta di pangkalan haram Kuala Tat, Tumpat kelmarin.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|------------|--------------|---------|------------|
| 12/05/2021 | HARIAN METRO | KUBELA | 37 |



KUBELA

DUNGUN MESRA KUCING

Miliki taman khas kucing jalanan, pengunjung boleh bawa pulang secara percuma

LIZAN bersama kucing jalanan yang ditempatkan di Taman Kucing Dungun.

FOKUS

Oleh Falrul Asmailni Mohd Pilus
asmalini@nstp.com.my

Certa dan menyeronokkan. Bagi penduduk sekitar Dungun, Terengganu, Taman Rimba Bukit Baik sebelum ini sinonim sebagai pusat riadah dan aktiviti pendakian untuk seisi keluarga.

Namun kini, ia memiliki satu lagi tarikan pelancongan unik untuk penduduk tempatan iaitu Taman Kucing Dungun.

Taman berkenaan antara inisiatif Majlis Perbandaran Dungun (MPD) untuk memastikan kawasan rumpuan awam bebas daripada gangguan kucing jalanan dan pada masa sama memastikan haiwan itu tidak terbiar dan terjaga.

> 38



TAMAN jaguan kucing yang luas dan selesa



RAK sumbangan disediakan untuk pengunjung menyumbangkan makanan, ubat-ubatan atau wang tunai

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|------------|--------------|---------|------------|
| 12/05/2021 | HARIAN METRO | KUBELA | 38 |

TAMAN SERBA LENGKAP

Tiada bayaran dikenakan, pengunjung digalakkan menderma untuk biaya rawatan, makanan haiwan

DARI MUDA 37

Inisiatif itu dimulakan pada tahun 2012 di Teluk Lipat dekat Sura namun lokasi tersebut dikatakan tidak lagi sesuai untuk penempatan haiwan berkenaan.

Ke kemudiannya dipindahkan ke Taman Rimba Bukit Baik pada Julai 2020 memandangkan kawasan itu lebih sesuai sekaligus menjadi satu lagi destinasi pilihan bagi pencinta kucing.

Meburiti Yang Dipertua MPD, Lizan Che Mat, ketika ini, taman seluas kira-kira 0.609 hektar itu menempatkan hampir 100 kucing jalanan.

Katanya, semua kucing itu dikutip pihak dari beberapa lokasi terutama di Pasar Besar Dungun, Pasar Paka dan hadapan kedai rakan sekitar daerah berkenaan.

"Taman Kucing Dungun adalah satu inisiatif kami untuk memastikan kawasan tumpuan awam bebas daripada gangguan kucing jalanan dan pada masa sama memastikan haiwan itu terjaga.

"MPD tidak keseorangan kerana kami turut

bekerjasama dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Terengganu dalam memberi rawatan perubatan dan pemeriksaan kesihatan secara berkala bagi memastikan kucing terbiar itu kekal sihat," katanya kepada Harian Metro.

Menurut Lizan lagi, setakat ini, dua kakitangannya ditugaskan menjaga taman dan kucing berkenaan.

Ketika ini, terdapat lima sangkar pengasingan disediakan mengikut kategori kesihatan haiwan iaitu Unit Rawatan Rapil, Unit Pemulihan, Unit Kucing Bahagia, Wad Keluarga Ibu dan Anak.

Kata Lizan, meskipun selama ini terbiar di jalanan, haiwan itu jinak dan mudah mesra dengan pengunjung. Katanya, keletah haiwan itu mencuri hati dan tidak hairanlah walaupun baru dibuka Mac lalu, sambutan yang diterima begitu mengagalkan.

"Lebih 2,000 pengunjung direkodkan dan kitajangkakan ia akan meningkat memandangkan taman ini sentiasa dikunjungi setiap hari



PETUGAS memberi kucing makan mengikut waktu yang ditetapkan.

terutama pada sebelah petang.

"Kebanyakan pengunjung membawa anak masing-masing untuk meluangkan masa bermain dan bermesra dengan kucing-kucing yang dikurikan bebas di taman ini.

"Namun, jika ada pengunjung yang mahu kucing-kucing yang ada, MPD akan memberikannya secara percuma," katanya. Lizan berkata, berbeza dengan taman haiwan lain, pengunjung ke Taman Kucing Dungun tidak akan dikenakan bayaran kerana pihaknya mahu mendidik orang ramai supaya menyayangi kucing.

Begitupun, kata Lizan, pihaknya sentiasa mengalu-alukan sumbangan daripada pihak awam mahupun swasta bagi sama-sama membantu menjaga kebajikan kucing terbiar.

Kata beliau, pengunjung boleh menyumbang makanan kucing, ubat-



KUCING di taman ini malah disukai pengunjung.

ubatan yang sesuai dan wang ringgit.

"Bagaimanapun, kami lebih mengalu-alukan sumbangan berbentuk wang tunai kerana ia dipergunakan untuk membeli ubat-ubatan haiwan itu.

"Selain itu, ia juga dapat membantu menampung kos makanan (termasuk beras dan ikan) hampir 100

Kucing berkenaan yang dianggarkan sekitar RM200 hingga RM300 sehari," katanya.

Dalam pada itu, berdasarkan kehasnan yang ada, taman berkenaan ketika ini mampu memuatkan sehingga 150 ekor kucing pada setiap masa.

Lizan berkata, pada masa hadapan pihaknya

merancang mahu menambah kapasiti haiwan di taman itu dan sedang menunggu kelulusan dana dari kerajaan pusat.

Katanya, jika tiada halangan, taman itu kelak dapat memuatkan 300 kucing jalanan terbiar namun ia bergantung kepada peruntukan yang diterima.

"Dianggarkan RM100,000 diperlukan untuk menambal kemudahan yang ada termasuk bilangan sangkar.

"Andai ada pihak swasta atau individu yang mahu membantu, kecil tapak tangan, nyiru MPD tadahkan," katanya.

Sementara itu, Lizan turut mengigatkan orang ramai supaya jangan sesekali menghantar kucing yang tidak dipedulikan lagi ke taman itu kerana pihaknya ada cara sendiri iaitu mengutip haiwan berkenaan ketika operasi.

"Ada yang salah faham dan ramai datang menghantar kucing yang mereka mahu buang ke taman ini.

"Kami tidak boleh menerima kerana taman ini khas untuk kucing jalanan yang terbiar dan bukannya kucing yang sudah tidak dimahukan oleh pemiliknya," katanya.

Apapun, inisiatif MPD itu wajar dicontoh pihak berkuasa tempatan lain di seluruh negara kerana terdapat banyak kucing yang terbiar di jalanan dan memerlukan bantuan.

Jadi, kepada pencinta kucing, jangan ketinggalan mengunjungi Taman Kucing Dungun kerana ia sesuai dijadikan sebagai pusat rekreasi keluarga di dalam kawasan alam semula jadi.



PENGUNJUNG tidak lepaskan peluang berinteraksi dengan kucing yang ada.



KOTAK sumbangan wang tunai yang disediakan MPD.



ANTARA makanan kucing yang disumbangkan oleh pengunjung.



KAKITANGAN MPD memberi ubat kepada kucing yang kurang sihat.